

## BENTUK KETERDEDAHAN RISIKO FATWA DI MALAYSIA; ANALISIS SOROTAN LITERATUR

### *Literature Analysis On The Type Of Exposure Of Fatwa Risk In Malaysia*

Mohd Nazril Saad<sup>i</sup> Azri Bhari<sup>ii\*</sup> & Mohd Faiz Mohamed Yusof<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Mohd Nazril Saad, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450, Shah Alam Selangor. Email: [nazril@uitm.edu.my](mailto:nazril@uitm.edu.my)

<sup>ii\*</sup> **Corresponding Author:** Azri Bhari, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450, Shah Alam Selangor. Email: [azrib178@uitm.edu.my](mailto:azrib178@uitm.edu.my)

<sup>iii</sup> Mohd Faiz Mohamed Yusof, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450, Shah Alam Selangor. Email: [faizyusof@uitm.edu.my](mailto:faizyusof@uitm.edu.my)

#### Abstrak

Mutakhir ini, pelbagai isu baharu sering timbul melibatkan urusan hal ehwal Islam. Ini menjadikan peranan fatwa sebagai institusi rujukan penting umat Islam sangat diharapkan demi memastikan survival agama yang termaktub dalam perlembagaan sentiasa relevan dan sesuai sepanjang zaman. Tidak dinafikan, fatwa mempunyai peranan dan nilai yang tinggi dalam Islam. Bagaimanapun, fatwa boleh terdedah kepada risiko jika tidak diurus dan dikawal selia dengan baik sama ada individu atau badan pengeluar fatwa itu sendiri. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk keterdedahan risiko fatwa khususnya di Malaysia. Kajian menggunakan metodologi kualitatif dengan menganalisis penulisan lepas yang berkaitan dan merumuskan bentuk-bentuk yang terdapat dalam risiko fatwa di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan fatwa di Malaysia mempunyai beberapa risiko seperti isu kepelbagaian fatwa dan penolakan segelintir masyarakat berkenaan fatwa yang dikeluarkan. Beberapa cadangan dikemukakan seperti peranan masyarakat untuk memahami konsep kepelbagaian fatwa dalam Islam sebagaimana disarankan salaf al-Salih terdahulu.

#### Abstract

Nowadays, there are many new issues arises in Malaysia which related to Islamic affairs. Therefore, the role of fatwa which acts as an important reference institution for Muslims was expected to ensure the religious survival that was stipulated in the constitution will always be relevant and suitable throughout the era. Undoubtedly, fatwas have a high role and value in Islam. However, fatwa can be vulnerable to risk if not properly managed and regulated either by the individual or the fatwa issuing institution itself. Thus, the objective of this study is to identify the forms of fatwa risk exposure in Islam, especially in Malaysia. The study uses a qualitative methodology by analyzing relevant past writings and summarizing the forms found in fatwa risk in Malaysia. The findings of the study found that fatwas in Malaysia have several risks such as the issue of fatwa coordination and the rejection of some communities regarding fatwas issued. Several suggestions have been put forward such as the role of society to understand the concept of the diversity of fatwas in Islam as suggested by previous of salaf al-Salih.

**Keywords:** risk, fatwa, type of risk

## PENDAHULUAN

Risiko mempunyai dua maksud iaitu kemungkinan mendapat bahaya dan akibat atau hasil yang kurang menyenangkan yang terhasil dari satu tindakan (Kamus Dewan, 2015). Menurut Lim Chee Chee (2009) bahawa terdapat pelbagai makna bagi risiko. Antara definisi biasa risiko seperti kemungkinan berlaku kejadian buruk, kombinasi bahaya, ketidakboleh ramalan (*unpredictability*), iaitu kecenderungan keputusan sebenar berbeza daripada keputusan yang dijangka, ketidakpastian tentang kerugian dan kemungkinan berlaku rugi. Manakala di dalam bahasa Arab, risiko disebut sebagai *mukhatirun* atau *mukhataratun* atau *khatrun*. *Khatrun* menurut Ibnu Manzur (1999), ialah suatu perkara yang terdedah kepada kerosakan dan kebinasaan atau hampir kepada mengundang bahaya.

Manakala fatwa bermaksud keputusan tentang sesuatu hukum agama berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber-sumber hukum lain, termasuk ijihad oleh mufti atau mereka yang berkelayakan tentang keputusan hukum syarak (Kamus Dewan, 2015). Menurut Ibnu Manzhur (1883) dan al-Fairuz Abadi (2005), penggunaan kalimah *fa ta wa* mempunyai pelbagai maksud mengikut situasi ucapan yang diungkapkan. Di antaranya bermaksud penjelasan mengenai suatu permasalahan hukum (al-Futya), dakwaan terhadap seseorang (tafatau), pertelingkahan (al-Tafati), mentafsir mimpi sebagaimana ayat al-Quran daripada Surah Yusuf.

Dalam menjelaskan bahawa tanggungjawab mengeluarkan fatwa merupakan tugas yang berisiko tinggi, Ibnu al-Qayyim (2002) telah memberikan satu analogi yang baik bagi menggambarkan maksud tersebut. Menurut beliau, sekiranya tugas seorang yang mengesahkan titah seorang raja atau pemerintah merupakan jawatan yang sangat mulia dan merupakan jawatan yang tertinggi bagi sesebuah kerajaan, maka bagaimana pula sekiranya jawatan tersebut merupakan seorang yang mengesahkan firman-firman Tuhan yang merupakan maharaja bagi segala langit dan bumi. Maka sudah pasti penyandang jawatan tersebut adalah merupakan yang benar-benar berkelayakan, merasai akan berat tanggungjawab yang dihadapi serta tidak merasakan kepayahan dalam menyatakan kebenaran kerana meyakini bahawa Allah Taala pasti akan menolong dan memberikan petunjuk hidayah terhadap keputusan tersebut.

## BENTUK KETERDEDAHAN RISIKO FATWA; KAJIAN LEPAS

Penulisan berkenaan risiko fatwa telah dikemukakan para ulama dahulu di dalam kitab-kitab mereka seperti al-Nawawi (1988), al-Suyuthi (2007), Ibnu Solah (1987), Ibnu al-Jauzi (2006), Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (2002), Ibnu 'Abd al-Bar (1994) dan Khatib al-Baghdadi (1996). Al-Nawawi (1988) telah

mengemukakan secara jelas bahawa fatwa itu sendiri sebenarnya mempunyai risiko yang besar kerana mudah terdedah kepada kesilapan walaupun terdapat fadhilat yang banyak. Kenyataan al-Nawawi ini merupakan rumusan daripada penulisannya dan beberapa penulisan lain sebelumnya seperti Khatib al-Baghdadi (1996) dan Ibnu Solah (1987) yang menukikan hal yang sama. Ini membuktikan bahawa keterdedahan risiko fatwa bukanlah suatu perkara baru, sebaliknya kefahamannya telah dijelaskan oleh al-Quran, hadis, para sahabat dan ulama (al-Sakhawi, 1997).

Di awal permulaan Islam, sumber perundangan hukum adalah berpandukan kepada al-Quran dan hadis Baginda S.A.W. Sebagai seorang mufti dalam menjelaskan dan menerangkan hukum, Rasulullah S.A.W. atas kapasitinya merupakan individu pertama yang menyedari hal ehwal fatwa dan risiko yang berkaitan dengannya. Ini terbukti apabila melihat Rasulullah S.A.W. sendiri melarang para sahabat menulis hadis daripada baginda sendiri kerana dibimbangi risiko bercampur aduk antara al-Quran dan hadis (Noor Naemah Abd. Rahman, 2001).

Bagaimanapun, larangan ini bersifat sementara kerana terdapat keadaan para sahabat r.a yang menulis, menghafaz dan meriwayatkan hadis baginda S.A.W. selepas daripada itu. Oleh itu, para sahabat r.a. sentiasa berhati-hati dalam perkara yang melibatkan urusan fatwa. Terdapat beberapa riwayat sejarah memperlihatkan sikap para sahabat Rasulullah S.A.W. sentiasa mengelak dari mengeluarkan fatwa disebabkan risiko dan beban yang bakal ditanggung sebagaimana yang dinukilkan oleh para ulama seperti Khatib al-Baghdadi (1996), al-Ajuri (1987), Al-Qāsimi (1985), Ibn al-Jauzi (2006) dan ramai lagi.

Salah satu kisah yang dilaporkan oleh Ibn 'Abd al-Bar (1994) dengan sanadnya sampai kepada kenyataan 'Uqbah bin Muslim, katanya: Aku sempat menghadiri setiap majlis Ibnu 'Umar selama 30 bulan, kebanyakan jawapan terhadap soalan yang diajukan kepadanya, beliau akan menjawab, "Aku tidak tahu". Kemudian, beliau menoleh kepadaku dan berkata, "Kamu tahukah apa yang diinginkan oleh mereka yang bertanya itu? Mereka ingin menjadikan belakang kita sebagai tanggungan untuk membawa mereka segera menuju ke neraka jahannam". Ibnu al-Solah (1987) melaporkan riwayat daripada 'Abd al-Rahman bin Abi Laila, katanya: "Aku bertemu dengan 120 orang sahabat dari kalangan al-Ansar yang mana apabila diajukan satu soalan, mereka meminta untuk penyoal merujuk kepada individu lain dari seorang kepada seorang yang lain sehingga kembali kepada penjawab yang pertama". Di dalam riwayat yang lain sekiranya salah seorang dari kalangan sahabat Rasulullah S.A.W. menjawabnya, mereka tidak

akan merespon terhadap jawapan atau membalasnya bagi kali yang kedua kerana memadai jawapan yang diberikan.

Khatib al-Baghdadi (1996), di dalam kitabnya telah meletakkan bab 'tegahan daripada gopoh dalam berfatwa' menyatakan bahawa para sahabat r.a. tidak akan berfatwa melainkan sesuatu isu benar-benar berlaku sebagai tanda meyakini bahawa Allah S.W.T hanya memberikan taufiq jawapan sesuai pada waktunya. Khatib al-Baghdadi juga meriwayatkan daripada al-Barra bin 'Azib r.a. berkata, "sesungguhnya aku menyaksikan 300 orang yang pernah menyertai perang badar, tidak ada seorang pun dari kalangan mereka yang berfatwa jika sekiranya salah seorang dari mereka telah mengeluarkan fatwanya. Bahkan al-Syafie meriwayatkan bahawa Sufian bin 'Uyainah adalah seorang yang pakar bidang fatwa merupakan orang yang paling tidak gemar mengeluarkan fatwa. Beliau (Sufian bin 'Uyainah) berkata, "Orang yang paling alim dalam berfatwa adalah yang paling banyak diam untuk mengeluarkan fatwa, manakala orang yang paling jahil adalah orang yang suka berbicara dan mengeluarkan fatwa" (Muhammad Taqi al-'Uthmani, 2011).

Konsep risiko fatwa ini kemudiannya dikembangkan lagi oleh para ulama mutaakhirin dengan meletakkan bab khusus mengenai risiko fatwa dan dengan kupasan yang lebih mendalam. Di antaranya Muhammad Sulaiman al-Asyqar (1976), Muhammad al-Qasimi (1986), Yusof al-Qaradawi (1988), Muhammad Taqi al-'Uthmani (2011) dan Abdullah al-Dar'an (2008). Kebanyakan penulisan mereka adalah dengan menukilkan kembali penulisan risiko fatwa para ulama terdahulu seperti al-Nawawi (1988), al-Suyuthi (2007), Ibnu Solah (1987), Ibnu al-Jauzi (2006), Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (2002), Ibnu 'Abd al-Bar (1994) dan Khatib al-Baghdadi (1996) dengan huraian serta kupasan yang lebih mendalam. Kebanyakannya memetik ayat al-Quran dan hadis yang membicarakan mengenai risiko fatwa serta diakhiri dengan kisah-kisah para sahabat, tabi'in dan pengikut tabi'in dalam berinteraksi dengan fatwa.

Berikut disenaraikan Dua Belas bentuk risiko fatwa daripada kajian-kajian lepas:

## **2.1 Risiko Ancaman Kepada Orang yang Menyembunyikan Fatwa**

Di dalam al-Quran, Allah S.W.T. telah menjelaskan bahawa fatwa itu sendiri terdedah kepada risiko sama ada terhadap golongan yang layak mengeluarkan fatwa atau golongan yang tidak layak mengeluarkan fatwa. Bagi golongan yang layak untuk mengeluarkan fatwa, Allah S.W.T.

mewajibkan mereka mengeluarkan fatwa (al-Suyuthi, 2007). Jika mereka tidak melaksanakan tanggungjawab berkenaan, mereka bakal menerima laknat daripada Allah S.W.T Firman Allah S.W.T:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّعْنُونَ  
١٥٩

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang jelas) dan petunjuk, setelah Kami menerangkannya kepada manusia dalam Al-Kitab, mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (makhluk) yang dapat melaknati”.

(Surah al-Baqarah: 159)

Justeru itu, al-Bukhari (2000) meriwayatkan bahawa Abu Hurairah r.a pernah berkata, “kalaulah tidak kerana ayat di atas (Surah al-Baqarah: 159), aku tidak akan meriwayatkan hadis”.

Di dalam hadis lain Rasulullah S.A.W. bersabda:

عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَا يَنْبَغِي لِلْعَالِمِ أَنْ يَسْكُتَ عَلَىٰ عِلْمِهِ ، وَلَا يَنْبَغِي لِلْجَاهِلِ أَنْ يَسْكُتَ عَلَىٰ جَهْلِهِ " ، قَالَ اللَّهُ جَلَّ ذِكْرُهُ : فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Daripada Jabir, Rasulullah S.A.W. bersabda: tidak sepatutnya bagi seorang alim untuk diam daripada menyampaikan ilmunya, dan tidak sepatutnya bagi seorang yang jahil untuk diam terhadap kejahilannya. Firman Allah S.W.T: “maka bertanyalah kepada ahli zikir (ulama) sekiranya kamu tidak mengetahui”

(Surah al-Nahl ayat 43).

## 2.2 Risiko Fatwa Dari Yang Tidak Berkelayakan

Manakala bagi golongan yang tidak berkelayakan untuk berfatwa, diharamkan sama sekali untuk berfatwa kerana fatwa merupakan penjelasan terhadap firman Allah S.W.T dan rasul-Nya. Oleh itu, berbicara sesuatu hukum yang disandarkan kepada firman Allah S.W.T tanpa ilmu adalah suatu pendustaan. Terdapat pelbagai ayat di dalam al-Quran yang mengisyaratkan bahawa Allah S.W.T. melarang manusia daripada berdusta dalam berbicara mengenai halal dan haram. Di antaranya, firman Allah S.W.T.:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِنَقْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَقْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يَفْلِحُونَ  
١١٦

Maksudnya:

Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: Ini halal dan ini haram, untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.

(Surah al-Nahl: 116)

Menurut Ibnu Kathir (1999), Allah S.W.T. memberi ancaman mereka yang gemar mengharamkan perkara yang diharamkan atau menghalalkan perkara yang diharamkan dengan sesuka hati tanpa sandaran dan dalil yang jelas. Seterusnya, Allah S.W.T mengingatkan manusia bahawa syaitan sentiasa menghasut manusia untuk berfatwa tanpa ilmu dan dalil mengenai halal dan haram berdasarkan firmanNya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ١٦٨ إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ١٦٩

Maksudnya:

Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah setan; karena sesungguhnya setan itu adalah musuh yang nyata bagimu. Sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu berbuat jahat dan keji, dan mengatakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui.

(Surah al-Baqarah: 168 – 169)

Ayat al-Quran di atas menunjukkan Allah S.W.T. mengingatkan manusia khususnya golongan yang tidak mempunyai kelayakan untuk berfatwa agar mengambil perhatian kepada risiko yang terdapat dalam fatwa. Manakala golongan yang mempunyai kelayakan untuk mengeluarkan fatwa, diwajibkan untuk berfatwa sebagaimana perintah daripada Allah S.W.T. Justeru, Muhammad Taqi al-'Uthmani (2011) merumuskan bahawa seseorang mufti hendaklah menyedari dan menghayati bahawa jawatan yang disandangnya sangat terdedah kepada risiko di mana pandangannya bukanlah bersifat peribadi semata-mata sebaliknya merupakan pengesahan kepada firman Allah S.W.T.

### 2.3 Risiko Pencerobohan Fatwa

Terdapat juga dalam kalangan mereka dan para pengkaji lain yang mengambil salah satu bentuk risiko fatwa dan dijadikan bahan kajian serta dikupas secara mendalam. Sebagai contoh Yusof al-Qaradawi (1988) memfokuskan kepada risiko pencerobohan fatwa dengan menggariskan tujuh sebab berlakunya risiko berkenaan iaitu kejahilan dan kelalaian terhadap nas

syarak, takwilan yang salah terhadap nas syarak, tidak memahami hakikat realiti semasa, menuruti hawa nafsu dan menuruti realiti yang tersesat.

#### **2.4 Risiko Mengambil Fatwa Syaz**

Selain daripada risiko pencerobohan fatwa, Yusof al-Qaradawi (2010) juga menulis berkenaan risiko pengamalan fatwa syaz (fatwa yang bercanggah dengan pandangan majoriti). Beliau menyenaraikan 10 ciri-ciri fatwa yang syaz seperti fatwa tidak dikeluarkan oleh institusi yang berautoriti, fatwa yang tidak kena tempatnya, fatwa yang bercanggah dengan al-Quran, hadis, ijma', qias yang salah, Maqasid Syariah, tidak sesuai dengan realiti semasa, penggunaan dalil yang salah dan fatwa yang tidak meraikan masa, tempat, keadaan dan individu. Manakala Ahmad al-Mubaraki (2010) turut menulis berkenaan fatwa syaz namun dengan huraian yang berbeza dengan Yusof al-Qardawi (2010). Ahmad al-Mubaraki (2010) di dalam penulisannya lebih menghuraikan berkenaan kaedah berinteraksi dengan fatwa atau pandangan yang syaz, contoh-contoh fatwa yang syaz pada masa kini serta huraian mengenai konsep tatabbu' al-rukhas dalam fatwa.

#### **2.5 Risiko *al-Tasarru' fi al-Fatwa***

Selain daripada itu, al-Tuwaijiri (2009) dan Abdullah al-Dar'an (2008) telah mengupas berkenaan risiko *al-Tasarru'* (gopoh) dalam fatwa. Mereka mendatangkan kisah tauladan para salafussoleh dalam berinteraksi dengan orang yang meminta fatwa kepada tiga golongan:

Golongan pertama adalah mereka yang menolak secara langsung jika ada yang meminta fatwa kepada mereka

Golongan kedua adalah mereka yang suka melambat-lambatkan dalam menjawab fatwa sama ada disebabkan berhati-hati atau memerlukan penelitian mendalam,

Golongan ketiga adalah mereka yang tidak menjawab semua soalan yang ditanya sebaliknya menjawab sebahagian sahaja (Abdullah al-Dar'an, 2008). Al-Tuwaijiri (2009) turut mendatangkan beberapa contoh fatwa yang terhasil daripada risiko gopoh seperti fatwa menghalalkan riba, mengharuskan rokok, mengharuskan musafir tanpa mahram dan sebagainya.

#### **2.6 Risiko *al-Tasahul fi al-Fatwa***

Terdapat juga kajian khusus mengenai risiko *al-Tasahul* (bermudah-mudah) atau *-al-Mubalaghah Fi al-Taisir* (berlebihan dalam meringankan hukum) dalam berfatwa sebagaimana yang terdapat dalam penulisan Abdullah al-Dar'an (2008), Hussain al-Malah (2011), Khalid al-Muzayyini (2009) dan

Khalid al-Muzayyini (2015). Khalid al-Muzayyini (2009) telah menyenaraikan ciri-ciri fatwa yang berpunca daripada risiko al-Tasahul seperti fatwa yang mengagungkan Maqasid Syariah berbanding sebahagian nas syarak, gemar mengambil pandangan yang ringan dan terlampau meraikan realiti moden. Beliau turut mendatangkan kritikan kepada golongan yang suka bermudah-mudah dalam berfatwa ini serta membawakan faktor-faktor munculnya risiko ini seperti kejahilan maksud sebenar nas syarak, kurang mengambil perhatian terhadap Maqasid Syariah dan implikasinya, wujudnya fatwa yang tasyaddud (memberatkan fatwa) dan mudah menuruti kehendak semasa.

Al-Qasimi (1985) telah menggariskan tiga gambaran risiko bermudah-mudah dalam berfatwa di kalangan ulama:

Pertama; seorang mufti yang terus menjawab persoalan fatwa tanpa perlu kepada penelitian terperinci. Sekiranya seorang mufti itu berilmu dan berkeyakinan dengan jawapan yang diutarakan maka tidak ada masalah baginya. Namun sekiranya mufti itu sendiri tidak pasti dengan fatwanya, meragui jawapannya, bercampur baur dalam menilai gambaran fatwanya yang mana lebih sahih atau lebih kuat sangkaan betulnya, maka tidak diharuskan bagi mufti berkenaan mengeluarkan fatwa pada ketika itu.

Kedua; seseorang yang gemar menjawab sebarang persoalan walaupun ia tidak memiliki asas dan ilmu yang kukuh. Lebih berisiko apabila ia berketrampilan seperti seorang faqih, berkemampuan dalam menilai hukum dan mengetahui bahawa dirinya sedang menganiaya orang lain.

Ketiga; seseorang yang mengetahui asas dan hukum yang kukuh, bahkan mempunyai pengetahuan mengetahui pandangan-pandangan fuqaha sama ada pandangan tersebut ringan atau berat. Lalu ia mempergunakan pandangan-pandangan tersebut mengikut kehendak peribadi atau menjaga jawatannya. Sekiranya fatwa itu melibatkan urusan pemerintah, demi menjaga jawatannya maka ia mengambil hukum yang ringan. Manakala sekiranya fatwa tersebut melibatkan orang awam yang ia tiada kepentingannya dengannya maka ia mengambil fatwa yang berat.

### **2.7 Risiko *al-Tasyaddud fi al-Fatwa***

Kesan daripada risiko tasahul dalam berfatwa, muncul pula risiko yang berlawanan dengannya iaitu tasyaddud (keras) dalam mengeluarkan fatwa (Khalid Abdullah, 2008). Keras dalam berfatwa bermaksud memilih pendapat yang keras dalam setiap urusan fatwa sehingga menimbulkan kepayahan (al-Syatibi, 2010). Terdapat dua keadaan yang menunjukkan ciri-ciri fatwa yang keras iaitu:

Pertama; bersikap melampau dalam konsep ihtiyat (berhati-hati). Al-Jurjani (2004); Ibnu Manzur (1997) telah mentakrifkan ihtiyat sebagai sikap seseorang yang ingin memelihara diri daripada terjebak kepada dosa dan kesalahan. Kebenaran dalam berihtiyat dalam fatwa menjadi perbincangan panjang dalam kalangan ulama di antara membenarkan atau mengharamkan. Namun demikian terdapat beberapa garis panduan dalam membenarkan berihtiyat untuk berfatwa (Qutb al-Raysuni, 2014).

Kedua; fatwa tersebut menafikan keperluan asasi masyarakat. Sebagai contoh, fatwa yang dikeluarkan tersebut menafikan rukhsah (keringanan yang dibenarkan syarak) dalam urusan ibadah, menafikan tuntutan adat tanpa ada dalil yang mengharamkan, menafikan tuntutan jualbeli seperti mengharamkan konsep tawarruq, bai' al-'inah, berurusan dengan bank-bank Islam kerana menganggap ada unsur riba dan sebagainya (al-Dar'an, 2008).

Selain daripada itu, terdapat juga penulisan daripada Khalid al-Muzayyini (2009) dan Noor Naemah Abdul Rahman et al (2016) yang membincangkan berkenaan *al-Tasyaddud* (keras atau rigid) dalam berfatwa. Terdapat beberapa ciri *al-Tasyaddud* dalam berfatwa seperti berpegang kuat dengan zahir nas, sikap melampau dalam menggunakan ihtiyat (berhati-hati), tidak mengambil kira perubahan sosio-budaya dan perkembangan sains dan teknologi dan taksub atau fanatisme mazhab. Kebiasaannya, pendekatan ini didokongi oleh golongan neo-literalis yang terpengaruh dengan sebahagian pendapat fuqaha klasik yang tidak menerima ta'lil ahkam atau al-qiyas (Noor Naemah Abdul Rahman et al, 2016).

## 2.8 Risiko Mempersenda fatwa

Seterusnya sikap mempersenda fatwa juga merupakan salah satu risiko fatwa. Risiko mempersenda fatwa boleh berlaku sama ada dari persoalan mustafti atau jawapan mufti itu sendiri (Abdullah al-Dar'an, 2008). Terdapat tiga golongan mufti yang suka mempersendakan fatwa:

Golongan pertama adalah golongan yang sengaja bermudah-mudah dalam berfatwa tanpa ilmu dan dalil yang pasti.

Golongan kedua adalah mereka yang memilih dalam fatwa yang dikeluarkan, sekiranya fatwa itu melibatkan kepentingannya maka akan dimudahkan hukum berkenaan dan sekiranya fatwa itu melibatkan orang ramai maka akan diberatkan dan disusahkannya.

Ketiga, golongan yang diistilahkan sebagai *al-Mukazlik*. Ini kerana fatwa yang dikeluarkan terdahulu tidak sama situasinya dengan setiap persoalan semasa di samping kewajipan mufti untuk berfatwa mengenai masalah berkenaan.

## 2.9 Risiko Fatwa Berpihak Kepada Pemerintah

Manakala Hussain al-Malah (2011) pula turut mengupas secara mendalam mengenai risiko fatwa serta menambah mengenai risiko fatwa yang berpihak kepada keputusan pemerintah dan risiko pengeluaran fatwa secara individu. Mengenai fatwa yang berpihak kepada pemerintah, Hussain al-Malah (2011) berpandangan bahawa tidak seharusnya kepada mufti untuk berpihak kepada keputusan pemerintah kerana bimbang fatwa yang dikeluarkan adalah demi menutup penindasan yang dilakukan kerajaan. Justeru itu, para ulama dahulu seperti Ibnu 'Abd al-Bar (1994) dan Khatib al-Baghdadi (1996) sentiasa berpesan kepada para ulama agar menjauhi pintu-pintu pemerintah.

Manakala berkenaan risiko pengeluaran fatwa secara individu pula khususnya pada masa kini boleh membawa kepada kemudharatan yang besar kerana munculnya ramai golongan yang mendakwa diri sebagai individu yang layak berijtihad dan berfatwa (Hussin al-Malah, 2011). Menurut Faidhullah (1984), fatwa secara individu berisiko membawa kepada kesan-kesan seperti suka menonjolkan pendapat-pendapat syaz, mengandungi unsur-unsur teori dan pemikiran yang pelik dan dikaitkan dengan Islam, penyelewengan hukum dalam fatwa dan memperkecilkan pandangan-pandangan terdahulu dari generasi para salafusoleh. Justeru itu, Hussain al-Malah (2011) menyarankan agar fatwa pada hari ini diinstitusikan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Menurut Muhammad Taqi al-'Uthmani (1983), sebaiknya fatwa yang diinstitusikan ini tidak dilakukan secara rasmi kerana boleh membataskan ijtihad fiqh dalam Islam. Namun, jika ingin dirasmikan juga, hendaklah merangkumi syarat-syarat berikut:

Pertama: Institusi yang mengendalikan fatwa mestilah bebas untuk melakukan penyelidikan ilmiah tanpa sekatan serta tiada campur tangan politik mahupun kerajaan.

Kedua: Pemilihan dan pelantikan jawatankuasa mestilah dari kalangan yang mempunyai kelayakan secara keilmuan dan kewarakan.

## 2.10 Risiko Fatwa Berpihak Kepada Kumpulan Atau Politik Tertentu

Selain daripada itu, terdapat juga bentuk risiko fatwa di mana fatwa yang dikeluarkan mempunyai kecenderungan kepada kumpulan, politik atau fahaman tertentu dan bukan menjurus kepentingan umat Islam sejagat (Nima Jihatea et. all, 2007). Sebagai contoh sebagaimana di awal kemunculan aliran

baru dalam Islam selepas kewafatan Rasulullah S.A.W dengan munculnya tiga kumpulan utama iaitu aliran al-Khawarij, Syiah dan Ahlu Sunnah Wal Jamaah. Justeru setiap daripada tiga aliran ini mempunyai mazhab tersendiri dalam bidang politik, akidah, fiqah dan lain-lain dengan dasar rujukan yang berbeza antara sama lain. Kesan langsung daripada fatwa yang cenderung kepada mazhab atau kumpulan tertentu membawa kepada fahaman fanatik dan perpecahan umat Islam yang besar apabila menganggap sesuatu hukum itu hanya khusus untuk kumpulannya sahaja dan tidak melibatkan orang selain dari kumpulannya (Khadher Ahmad et al, 2016).

### **2.11 Risiko Fatwa Ajaran-Ajaran Sesat dan Menyeleweng**

Selain daripada itu, risiko fatwa juga turut berlaku dengan wujudnya fatwa-fatwa ajaran-ajaran menyeleweng dan sesat yang merosakkan imej Islam dan sesebuah negara. Penyelewengan fatwa dapat dilihat melalui penyalahgunaan ayat al-quran dan hadith dalam mentafsirkan hukum-hukum tertentu khususnya bagi membenarkan tindakan kumpulan-kumpulan yang berfahaman sesat berkenaan. Bagaimanapun, fatwa sesat ini kebanyakan boleh dikesan dan difatwakan sebagai sesat oleh mana-mana jawatankuasa fatwa dan diambil tindakan oleh jabatan agama negeri dalam usaha mengekang ajaran berkenaan (Ahmad Hidayat Buang, 2011). Namun, terdapat juga fatwa-fatwa menyeleweng yang sukar diambil tindakan kerana penyelewengan yang berlaku kurang jelas dan masih tertakluk kepada undang-undang semasa seperti ajaran-ajaran yang bertentangan dengan akidah ahlu Sunnah wal Jamaah seperti fahaman Wahhabi, Syiah, liberalis, ekstremis dan lain-lain.

### **2.12 Risiko Perbezaan dan Percanggahan fatwa**

Selain daripada itu, risiko fatwa juga turut berlaku kesan daripada konflik fatwa. Tidak dinafikan perbezaan pandangan adalah lumrah dan fitrah insan. Namun, kebanyakan masyarakat awam kurang pendedahan mengenai perbezaan pendapat ini terutama melibatkan fatwa-fatwa semasa yang boleh mengundang kontroversi. Ini menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam masyarakat awam sehingga boleh mengundang perbalahan walaupun isu yang diutarakan adalah kecil. Kesan terhadap penumpuan kepada isu perbezaan fatwa ini menyebabkan masyarakat Islam telah mengabaikan isu-isu besar dan tidak mengutamakan tanggungjawab masing-masing sehingga membuang waktu hanya kerana isu-isu kecil seperti hukum merokok, amalan membaca yasin malam jumaat, hukum bertahlil dan lain-lain.

## **BENTUK KETERDEDAHAN RISIKO FATWA DI MALAYSIA; ANALISIS PERBINCANGAN**

Di Malaysia, fatwa bukan lagi hanya pandangan akademik semata-mata. Sebaliknya, fatwa lebih bersifat pandangan rasmi kerajaan yang memerintah dan mufti merupakan seorang penjawat awam yang ditugaskan dalam urusan berkenaan bagi pihak Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong atau Baginda Sultan sebagai pemegang kuasa agama tertinggi bagi negeri masing-masing (Mahmood Zuhdi Abd Majid, 2004). Fatwa yang diputuskan dapat dikategorikan dalam tiga bentuk, iaitu pertama, fatwa yang diwartakan; kedua, jawapan-jawapan fatwa yang diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa dan ketiga, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti secara persendirian berbentuk lisan dan tulisan. Hanya fatwa kategori pertama sahaja yang mengikat, manakala kategori kedua dan ketiga tiada sebarang implikasi undang-undang (Paizah Ismail, et.al., 2013).

Secara umumnya, terdapat dua kategori institusi fatwa di Malaysia iaitu institusi fatwa peringkat negeri dan institusi fatwa peringkat kebangsaan. Kedua-dua institusi fatwa ini ditubuhkan di bawah peruntukan perundangan yang berbeza (Zaini Nasohah, 2005). Oleh itu, sebanyak 15 Jawatankuasa Fatwa di Malaysia yang mempunyai bidangkuasa tersendiri yang diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia (Ahmad Wifaq Mokhtar, 2018). Institusi ini juga diberi kuasa dan tanggungjawab di bawah badan persekutuan dan undang-undang negeri untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dan sultan/raja selaku ketua agama Islam bagi negeri-negeri berkenaan perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan hukum syarak, khususnya atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan hukum syarak (Ghazali Abdul Rahman, 2012).

Institusi fatwa negeri-negeri di Malaysia ditadbir berdasarkan undang-undang tertentu bagi setiap negeri yang meliputi peruntukan-peruntukan berkaitan pelantikan mufti dan timbalannya, bidangkuasa, prosedur penetapan fatwa, pembentukan jawatankuasa fatwa dan kesalahan-kesalahan berkaitannya sama ada tentang berfatwa dan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan kehendak fatwa (Wan Ab. Rahman Khudzri et al, 2005). Manakala institusi fatwa peringkat kebangsaan pula dikenali dengan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah) yang ditubuhkan pada awal tahun 1970. Jawatankuasa ini ditubuhkan selaras dengan peruntukan dalam Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bertindak sebagai sebuah institusi berautoriti yang mengeluarkan fatwa di peringkat kebangsaan dalam rangka menyelaraskan dan menyeragamkan keputusan fatwa di Malaysia (Mohd Mohadis Yasin, 2007).

Kajian Paizah Ismail et.al (2013) mendapati faktor utama ketidakselarasan fatwa khususnya melibatkan institusi adalah berikutan kuasa memutuskan fatwa adalah tertakluk kepada negeri-negeri (Ahmad Ibrahim, 2002). Ini berasaskan kepada peruntukan enakmen yang cuma mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi tetapi dalam masa yang sama membataskan kedudukan itu (Zaini Nasohah, 2005). Selain itu, metodologi istinbat atau fatwa yang berbeza antara negeri dengan negeri telah menghasilkan hukum yang berbeza. Perbezaan metodologi ini dapat dilihat dalam peruntukan enakmen antara negeri Perlis dengan negeri-negeri yang lain (Mohd Akram Dahaman, 2005). Pada masa yang sama peranan Jawatankuasa Muzakarah adalah terhad sedangkan ia merupakan institusi fatwa kebangsaan yang memainkan peranan yang penting di Malaysia (Zaini Nasohah et all, 2012). Selain faktor-faktor tersebut terdapat faktor-faktor lain yang menjadi sebab berlakunya perbezaan fatwa, antaranya; komposisi ahli jawatankuasa fatwa yang tidak seimbang antara negeri (Mohamed Azam Mohamed Adil, 2004) serta kelayakan akademik mufti dan jawatankuasa penyelidik fatwa yang dilihat lemah (Ahmad Hidayat Buang, 2004)

Terdapat usaha dan cadangan ke arah penyelarasan fatwa telah diutarakan seperti penubuhan Jawatankuasa Muzakarah sebagai rangka penyelarasan keputusan fatwa di seluruh negeri, mengadakan penyeragaman keanggotaan dan perlantikan Jawatankuasa Syariah. Begitu juga Mohadis Yasin (2007) yang telah mencadangkan tentang keperluan kepada penubuhan Jabatan Mufti Negara yang dipersetujui oleh semua negeri serta menyerahkan urusan pengeluaran fatwa hanya kepada Jabatan Mufti Negara ini. Abdul Monir Yaacob (2016) pula telah menggesa agar suatu mekanisme perlu digubal bagi merealisasikan jawatan Mufti Negara untuk menyelesaikan masalah penyelarasan fatwa di Malaysia. Ini berikutan dengan wujudnya Mufti Negara seperti di Mesir, Brunei dan Arab Saudi masalah perbezaan fatwa antara wilayah-wilayah di dalam negara tersebut tidak berlaku.

Lazimnya, fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh majlis fatwa negeri-negeri ini akan terikat dengan pendapat Mazhab Syafie (Azri Bhari, 2016). Amalan ini dapat dilihat dalam peruntukan undang-undang berkaitan pentadbiran fatwa di setiap negeri-negeri (Noor Naemah Abd.Rahman, 2007) kecuali Negeri Perlis (Saadan Man, 2012). Sebagai contoh enakmen negeri Kedah menyatakan: "Tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan jalan yang telah disyaratkan dahulu itu, maka hendaklah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa pada lazimnya mengikut qawl yang muktamad daripada mazhab Shafie. Dengan syaratnya jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut qawl muktamad itu akan berlawanan dengan masalah

orang ramai maka bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa mengikut qawl yang daif daripada mazhab Syafie melainkan Duli Yang Maha Mulia bertitah yang berlainan dengannya. (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah, 1962).

Ahmad Hidayat Buang (2012) telah mengkaji berkenaan cara menyelesaikan isu penyelarasan fatwa di Malaysia dengan mencadangkan penggubalan garis panduan penyelarasan fatwa. Beliau memperincikan tentang tatacara dan skop garis panduan penyelarasan fatwa yang akan digubal seperti mengutamakan qaul muktamad mazhab Syafie dan jika tiada beralih kepada qaul muktamad mazhab Hanafi atau Maliki atau Hanbali. Jika tidak ada di dalam qaul-qaul muktamad mazhab tersebut mufti boleh menggunakan pendapat menurut hematnya sendiri (ijtihad mufti). Beliau juga mencadangkan di dalam garis panduan itu ditambah dengan memasukkan qawaid al fihiyyah dan maqasid syariyyah sebagai panduan negeri-negeri di dalam menyelaraskan fatwa di Malaysia.

Setakat penelitian yang dibuat, hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak mengubal suatu garis panduan yang dimaksudkan. Tindakan pengubalan garis panduan oleh JAKIM ini berdasarkan kepada persetujuan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 96 yang bersidang pada 13 hingga 15 Oktober 2011 di Holiday Villa Hotel & Suites, Alor Setar, Kedah Darul Aman, di mana satu garis panduan telah dipersetujui untuk digunakan oleh semua negeri bagi tujuan peyelarasan fatwa di seluruh Malaysia (Garis Panduan JAKIM, 2011). Cara penyelarasan fatwa yang digariskan oleh model JAKIM ini adalah bermula apabila keputusan tentang sesuatu hukum/fatwa telah dipersetujui oleh semua mufti di dalam mesyuarat Jawantankuasa Muzakarah. Setelah itu semua mufti diminta membawa pula hukum berkenaan isu tersebut ke peringkat negeri masing-masing untuk diputuskan sepertimana yang telah dipersetujui secara kolektif sewaktu Jawantankuasa Muzakarah bersidang.

Namun analisis umum terhadap sesetengah negeri di Malaysia, garis panduan ini dianggap sebagai gangguan atau *interference* kepada ahli jawatankuasa fatwa negeri-negeri yang mana mereka telah dianggap sebagai pakar rujuk yang tertinggi di dalam negeri (Mohamed Azam Mohamed Adil, 2016). Ini kerana kebanyakan negeri sudah selesai dengan amalan sedia ada (Ahmad Wifaq Mukhtar et al, 2018) di samping semua pihak telah maklum bahawa fatwa yang diputuskan oleh Jawantankuasa Muzakarah tidak mengikat mana-mana negeri mahupun anggota jawatankuasanya sendiri kerana tiada bidang kuasa perundangan yang jelas. Berlainan pula dengan

fatwa yang diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri di mana ia mengikat umat Islam yang berada dalam wilayahnya (Lokmanul Hakim Hussain, 2013).

Secara umumnya, pengkaji belum menemui kajian yang mengupas berkenaan risiko fatwa khususnya di Malaysia buat masa ini. Namun, beberapa kajian lepas telah menyentuh berkenaan beberapa isu dan permasalahan melibatkan fatwa di Malaysia yang sesuai dijadikan rujukan dan penilaian kepada risiko fatwa. Justeru itu, pengkaji akan mendatangkan isu-isu berbangkit ini sebagai panduan dalam mengenalpasti risiko dan permasalahan yang berlaku melalui penulisan para pengkaji fatwa di Malaysia.

Di antara kajian awal berkenaan permasalahan fatwa di Malaysia adalah sebagaimana penulisan daripada Othman Ishak (1981) yang berjudul *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Beliau telah menulis satu bab penting iaitu pada bab 4 yang berjudul 'Kritik Terhadap Fatwa Di Negeri-negeri Melayu'. Beliau menyatakan bahawa, permasalahan dan kelemahan yang dikemukakan adalah berdasarkan kajiannya secara teliti dan mendalam berhubung fatwa di Negeri-negeri Melayu. Melalui bab ini, beliau telah menyenaraikan lima permasalahan fatwa di Malaysia seperti fatwa Yang tidak diselaraskan, fatwa tidak mempunyai rujukan yang memuaskan, kaedah pengeluaran fatwa yang kurang bersesuaian, fatwa tidak mempunyai autoriti penuh dan ahli jawatankuasa fatwa tidak mempunyai kelayakan khas.

Manakala Mohammad Saedon Awang Othman (1998) pula telah membangkitkan berkenaan isu etika mufti serta peranannya dalam menghadapi alaf baru. Menurut beliau, zaman revolusi teknologi maklumat ini menyaksikan dunia tanpa sempadan, menyebabkan semua bidang sentiasa bergerak maju ke hadapan dengan pantas. Situasi ini mengakibatkan wujudnya pelbagai persoalan baru yang memerlukan jawapan yang tuntas dan tepat kepada generasi yang lahir ketika itu. Para mufti perlu memperluaskan diri dengan kemampuan ilmiah serta kepakaran yang lebih mendalam bagi menghadapi cabaran alaf baru. Di samping itu juga, para mufti perlu juga menjaga tingkah laku dan etika agar tidak menjadi bahan pertelingkahan dan pertikaian masyarakat yang memberi kesan kepada autoriti fatwa semasa.

Hal yang sama turut diutarakan oleh Mohamad Akram Laldin et. all (2006) mengenai isu fatwa di alaf baru, namun penulisan beliau lebih tertumpu kepada fatwa di internet. Beliau telah mengemukakan beberapa risiko penerbitan fatwa di internet. Di antaranya berkenaan sejauh manakah masyarakat boleh mengambil dan mengamalkan fatwa berkenaan seperti

laman Islamweb.net dan sebagainya. Di samping itu, fatwa secara online hanya menjawab persoalan yang umum, sekalipun permasalahan itu datang dari negara yang lain kerana internet adalah bersifat global. Justeru itu, agak berisiko untuk diaplikasikan kerana adat dan budaya antara negara berbeza. Satu isu yang mungkin berlaku risiko berkenaan fatwa di internet juga apabila masyarakat berhadapan dengan banyak pilihan yang mengundang pelbagai perbezaan dan pertelingkahan (Mohamad Akram Laldin et. all, 2006)

Selain daripada itu, Nooh Gadot (2006) telah mengemukakan risiko sekiranya fatwa yang dikeluarkan oleh mereka yang tidak berautoriti. Beliau merumuskan risiko kepada isu ini akan menyebabkan fatwa yang dikeluarkan mempunyai kesalahan dan kurang tepat. Kesalahan dan kesilapan yang berlaku pasti akan mengundang ketidakseragaman dalam pengeluaran fatwa. Keadaan ini akan mengakibatkan timbulnya kekeliruan dan kesamaran dalam kalangan masyarakat awam di samping berlakunya pemesongan amalan. Akhirnya masyarakat Islam akan berhadapan dengan perpecahan dan pergaduhan yang pastinya akan menjejaskan imej kesucian Islam pada pandangan orang bukan Islam. Tujuan dicetuskan pandangan ini adalah untuk menjelaskan mengenai kepentingan institusi fatwa sebagai badan yang berautoriti dan hukum tertinggi bagi negeri-negeri di Malaysia (Nooh Gadot, 2006).

Berkenaan isu kakitangan institusi mufti, Raihanah Abdullah (2004) telah megupas secara mendalam dengan memfokuskan kepada perkara-perkara yang berkaitan seperti saiz kakitangan, skim perkhidmatan, kelayakan, beban tugas dan sebagainya. Sebagai contoh, kekurangan kakitangan institusi mufti telah mengakibatkan bebanan kerja yang ditanggung oleh mufti sentiasa bertambah. Selain daripada itu, status pelantikan mufti secara kontrak boleh terdedah kepada masalah di mana mufti seolah-olah tidak bebas dalam menjalankan tugasnya kerana bimbang jawatannya sedang kedudukan mufti adalah tinggi dalam Islam di samping menampakkan kelemahan institusi berkenaan. Terdapat beberapa permasalahan yang dikemukakan oleh kakitangan institusi fatwa dalam menjalankan tugas masing-masing. Di antaranya, terdapat tugas luar yang tidak berkaitan dilakukan oleh mereka, pegawai pembantu yang tidak mencukupi, terlalu kerap menyampaikan ceramah, pegawai penyelidik yang kurang berpengalaman dan peruntukan kewangan yang terhad (Raihanah Abdullah, 2004).

Manakala berkenaan isu penyediaan fatwa pula, Ahmad Hidayat Buang (2004) telah mengenalpasti beberapa permasalahan yang telah berlaku semasa proses tersebut. Di antaranya mufti terpaksa merujuk mazhab lain (selain

mazhab syafie) dalam mendapatkan jawapan, menggunakan ijtihad sendiri kerana tiada rujukan dari mana-mana kitab, kakitangan institusi fatwa yang tidak berkelayakan, kekurangan bahan rujukan, masa penyediaan fatwa yang singkat, soalan yang dikemukakan tidak jelas atau fakta yang tidak lengkap, tidak ada bantuan kepakaran dalam penyelidikan dan masih terikat kepada mazhab. Di samping itu juga, terdapat rungutan dan aduan daripada masyarakat terhadap fatwa yang dikeluarkan kerana jawapan yang dikeluarkan tidak memuaskan hati dan bertentangan dengan antara satu sama lain sehingga boleh menimbulkan kekeliruan. Selain daripada itu, terdapat juga maklumbalas yang menyatakan fatwa yang dikeluarkan tidak tegas, berubah-ubah, mempunyai kepentingan tertentu, tidak bersifat ilmiah, pewartaan fatwa tidak telus, keterikatan kepada mazhab dan isi kandungan yang terhad tanpa membawa perubahan kepada sistem negara (Azman Abdul Rahman, 2018).

## **RISIKO FATWA DI MALAYSIA; CADANGAN PENYELESAIAN**

Berikut merupakan beberapa cadangan yang dikenalpasti bagi mengharmonikan risiko kepelbagaian fatwa di Malaysia khususnya persoalan yang menimbulkan kontroversi dalam masyarakat:

Pertama: Masyarakat perlu didedahkan mengenai konsep fatwa di Malaysia.

Fatwa di Malaysia bermaksud apa-apa keputusan yang belum dimuktamadkan dan menimbulkan kontroversi dalam masyarakat dan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Peringkat Negeri. Fatwa tersebut juga akan mempunyai pengaruh perundangan apabila diwartakan dalam Kerajaan Negeri. Oleh itu, ia berbeza dan mempunyai perincian tertentu sehingga memerlukan kefahaman yang jelas dalam masyarakat khususnya para ilmuwan agama itu sendiri.

Kedua: Mengenalpasti isu sama ada melibatkan negeri tertentu atau nasional

Sesetengah isu seperti hukum pemberian zakat kepada orang bukan Islam bukan sekadar isu di negeri tertentu, ia merupakan isu peringkat nasional yang memerlukan perhatian semua pihak. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri disarankan agar merujuk kepada mengesyorkan Jawatankuasa Muzakarah mengenai isu yang bersifat nasional, seterusnya menerima pakai fatwa berkenaan untuk diwartakan di peringkat negeri. Di dalam Enakmen kebanyakan negeri telah pun memperuntukkan di bawah tajuk: menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan:

*“Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh apa-apa perbuatan atau amalan yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Perkara 38(2)(b) Perlembagaan Persekutuan”.*

Ketiga: Menghormati dan menerima pakai fatwa di negeri masing-masing.

Masyarakat disarankan agar merujuk dan menerima pakai fatwa yang dikeluarkan Institusi Fatwa masing-masing sebagai penyelesaian kepada kepelbagaian fatwa dan pandangan ramai pihak. Justeru, peranan agamawan untuk menghormati fatwa yang dikeluarkan di negeri masing-masing adalah penting demi memelihara kesatuan dan keharmonian bersama dan turut bersama memberikan pencerahan seiring dengan keputusan fatwa negeri masing-masing.

Keempat: Penetapan kelayakan akademi tertentu bagi pelantikan mufti.

Di dalam Islam, Imam Nawawi meletakkan beberapa syarat asasi tertentu bagi melantik seseorang untuk menjadi mufti mestilah seorang Muslim yang mukalaf, thiqah (dipercayai), berilmu, akal yang tajam, tidak kira sama ada Mufti itu lelaki atau wanita. Manakala di Malaysia, pelantikan Mufti adalah melalui pelantikan Sultan atau DYMM YDP Agong sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Fatwa dan Mufti bagi Pentadbiran Agama Islam di setiap negeri di Malaysia. Sebagai contoh, Seksyen 44, Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti dalam Enakmen Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 mencatatkan:

*“Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor.”*

Kesimpulannya, pelantikan Mufti di Malaysia masih berada pada syarat umum. Bagi mengatasi isu berkaitan kepelbagaian fatwa di Malaysia, maka wajarlah diwujudkan suatu penetapan tertentu terhadap kelayakan berlatar belakang ilmuwan agama bagi melantik Mufti.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulan daripada perbincangan mengenai konsep keterdedahan risiko fatwa menunjukkan bahawa para sarjana dahulu sememangnya telah mengambil perhatian dalam topik ini. Oleh itu, usaha untuk memastikan

fatwa sentiasa terpelihara sebagai salah satu mekanisme pengeluaran hukum perundangan Islam memerlukan kaedah dan penjelasan yang mendalam dan teliti serta dikendalikan oleh individu atau institusi yang berkelayakan. Jika diteliti dalam penulisan para ulama terdahulu khususnya dalam perbincangan mengenai adab berfatwa, menunjukkan bahawa mereka berusaha untuk memastikan masyarakat menyedari akan risiko dan berusaha mengelakkannya dalam urusan berfatwa.

## RUJUKAN

Abdul Karim Zaidan, (1996). *Al-Wajiz fi Ushul al-Fiqh, Muassasah al-Risalah*, 1996.

al-'Ayad, Ahmad et.al (tanpa tahun). *al-Mu'jam al-cArabi al-Asasi*. t.tpt. Laros.

Al-Bukhari (2000), Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail. "Sahih al-Bukhari." *Thesaurus Islamicus Foundation*, Kaherah.

Al-Dahlawi (1983), Ahmad Ibn 'Abd al-Rahim. *Al-Insaf fi Bayan Asbab Ikhtilaf al-Fuqaha' Dar al-Nafais*.

al-Fayyum, Ahmad bin Muhammad bin Ali (2008). *Al Misbah al-Munir*. Muassasah al-Mukhtar, Kaherah.

al-Mallah, Syeikh Hussayn Muhammad (2009). *Al-Fatwa Nasyatuha wa Tathawuruha Usuluha wa Tatbiqaha*. *Al Maktabah al-Asriah, Beirut*.

Al-Quran al-Kareem. Percetakan Saufi, cetakan kedua, 2009.

Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram (1968). *Lisan al-Arab*. Jilid 15. *Dar Sodir, Beirut*.

Mahmud Syatut (2004) *Al-Fatwa; Dirasah li Musykilat al-Muslim al-Mu'ashir fi Hayatih al-Yaumiyyah al-'Ammah, Dar al-Syuruq*.

*Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (2004). *al-Mu'jam al-Wasit*. Cetakan 4. *Maktabah al-Shuruk al-Dawliyyah, Kaherah*.

Malik bin Anas (2000), *Al-Muwatho*. *Thesaurus Islamicus Foundation, Kaherah*.

Muhammad Abu Nur Zuhair (2004). *Ushul al-Fiqh, al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turats, Kaherah*.

Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi (1986), *Al-Fatwa fi al-Islam, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut*.

Muhammad Sulaiman Abdullah al-Asyqar (1976), *al-Futya wa Manâhij al-Ifta'*, *Maktabah al-Manar al-Islamiyyah, Kuwait*.

- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj (2000), "Sahih Muslim." *Thesaurus Islamicus Foundation*, Kaherah.
- Taha Jabir al-'Alwani (1992), *Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam (USA, The International Institute of Islamic Thought)*.
- Yusuf al-Qaradhawi (1988), *Al-Fatwa Baina al-Indhibâth wa al-Tasayyub*, *Dar al-Shahwah*, Beirut.
- Yusuf al-Qaradhawi (2011), *Mujibat Taghayyur al-Fatwa fi 'Asrina*, *Dar al-Syuru'*.
- Zaydan, Abdul Karim (2001). *Usul al-Da'wah*. Muassasah al-Risalah, Bayrut.
- Abdul Hamid Yunus (1992). "Ijtihad dan Amalannya dalam Pemikiran Fatwa di Malaysia." Disertasi Sarjana, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya.
- Abdul Monir Yaakob & Wan Roslili Abd. Majid (1998). *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kuala Lumpur.
- Abdul Monir Yaakob (2016). *Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Universiti Islam Malaysia. Cyberjaya.
- Abdul Samat Musa, et.al (2006). *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 1. No. 1. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Nilai.
- Ahmad Hidayat Buang (2002), *Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia*, *Jurnal Syariah 10:1*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Ahmad Hidayat Buang (2012). "Ke Arah Membangun Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa di Malaysia: Skop dan Kandungan". *Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan 24 Oktober 2012*. Dewan Senat. Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai.
- Ahmad Hidayat Buang (2004), "Penulisan dan Kajian Fatwa", dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang, *Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*.
- Ahmad, Kamarudin (2014) *Sejarah perkembangan institusi fatwa di negeri Kedah*. In: *23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014)*, 23 - 27 August 2014, Alor Setar, Kedah, Malaysia.

- Alias Bin Azhar (2001), "Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995", disertasi sarjana, Universiti Malaya.
- Arik Sanusi Yoep Johari (2010). "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan" dalam Monograf al-Ifta'. Siri 1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Azman Ab Rahman (2011). "Konsep Fatwa dan Cabaran Penguatkuasaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur." Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, vol. 2, 7-26.
- Azman Ab Rahman (2018). "Amalan dan Kaedah Pengeluaran Fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa negeri Kelantan: Analisis Awal." Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, vol. 13(1), 1-15.
- Basri bin Ibrahim (2011), Metod Fatwa al-Qardawi dalam Menangani Isu-Isu Semasa, Al-Hidayah Publications, Selangor.
- Garis Panduan Pemakaian Keputusan/Pandangan Hukum Yang Dibuat Oleh Jawatankuasa MKI Sebagai Fatwa Negeri (2011). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Hasnan Kasan (2006). "Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia" dalam Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat. Jilid 10. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Hasnan Kasan (2008), Institusi Fatwa di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Irwan Bin Mohd Subri (2011), "*al-Fatawa al-Shar'iyah wa Ishkaliyyah al-Thabat wa al-Taghayyur: Dirasah Tatbiqiyah fi al-Waqi' al-Malizi*", tesis kedoktoran, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Lokmanulhakim Hussain (2013), Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kewajaran dan Kekangan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan.
- Mahamad Naser Disa (2011), "Ke Arah Penyelarasan Dan Penyatuan Pandangan Dalam Pengeluaran Hukum di Malaysia: Perspektif Perundangan" dalam Monograf al-Ifta'. Siri 2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid (2004). "Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia" dalam Jurnal Syariah. Jilid 12. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

- Mat Saad Abd. Rahman (1998), "Istinbat: Asas dan Metedeologi", dalam Mufti dan Fatwa di Negara-Negara ASEAN, ed. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid, Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohamad Akram Laldin & Nurul Wahidah Rosli (2012). "Penghasilan Fatwa Berkualiti dan Berwibawa: Permasalahan, Cadangan Penyelesaian dan Penambahbaikan". Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan piawaiian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan 24 Oktober 2012. Dewan Senat. Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai.
- Mohd Mohadis Yasin (2007). "Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan Dan Cabaran di Malaysia". Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 1. USIM. Nilai.
- Mustafar Abdul Rahman (2006). "Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan". Kertas kerja Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan pada 5-6 Disember. Hotel Nikko. Kuala Lumpur.
- Noor Naemah Abdul Rahman (2007) Budaya Keterikatan Fatwa kepada Mazhab: Penelitian Terhadap Fatwa Mufti Negeri Kelantan Mengenai Ibadat Solat, Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa, Vol 1, No 1.
- Othman Ishak (1981). Fatwa Dalam Perundangan Islam. Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Paizah Ismail, et.al. (2013). "Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal" dalam Jurnal Fiqh. No. 10. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Ridzwan Ahmad, "Metode Pentarjihan Masalahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa", Jurnal Syariah 16, bil. 1 (2008).
- Saadman Man, Abdul Karim Ali dan Noor Naemah Abdul Rahman, Fiqh Ikhtilaf (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Univerisiti Malaya, 2009).
- Zaini Nasohah (2005). "Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia" dalam Jurnal Islamiyyat. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*